



Rujukan : MITI.500-6/1/9 JLD2 (14)

Tarikh : 29 Mei 2023

SENARAI SEPERTI EDARAN

Tuan/Puan,

CADANGAN PENGANJURAN BERSAMA PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) 2023 MITI DAN AGENSI

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas:-

2. Adalah dimaklumkan bahawa satu Bengkel Pengukuhan Operasi dan Strategik, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) MITI, telah diadakan pada 14 Mac hingga 16 Mac 2023 bertempat di Hotel Century Pines, Cameron Highland. Hasil perbincangan daripada bengkel tersebut, BPSM MITI dan Agensi bersetuju atas cadangan untuk menganjurkan **Program Transformasi Minda (PTM) 2023 secara kolaborasi bersama** sebagai satu usaha mengeratkan lagi kerjasama warga kerja MITI dan Agensi.
3. Justifikasi cadangan penganjuran PTM bersama ini adalah sebagai salah satu platform untuk mengukuhkan lagi hubungan dalam kalangan warga kerja BPSM MITI dan Agensi di samping selari dengan hasrat kerajaan dalam mengoptimumkan perbelanjaan dengan mengadakan program bersekali yang melibatkan pecahan kos serta sumbangan tenaga kerja bersama bagi memastikan program ini dapat mencapai objektif dengan efektif dan efisien.

4. Objektif utama penganjuran PTM ini adalah untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. PTM juga merupakan satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi.

5. PTM 2023 akan dilaksanakan dalam tempoh **empat (4) hari** meliputi **tiga (3) segmen** iaitu Negara dan Perkhidmatan Awam; Tanggungjawab dan Peranan Pegawai serta Budaya Kerja Kelas Pertama.

6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut tentang perkara ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi urus setia BPSM MITI:

- i) Encik Syed Izzat Hussain Syed Ja'afar : 03 6200 0240
- ii) Cik Siti Hajar Zaid Amri : 03 6200 0203
- iii) Cik Nurul Hanisah Nadia Binti Hairul Anuar : 03 6200 0209

7. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR ASMA ABDUL RAHMAN)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

SENARAI EDARAN

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Menara MATRADE,
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur
(u.p.: En. Mansor Shah Wahid)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor
(u.p.: En. Mohd Khairizal Khahidir)

Jabatan Standard Malaysia (JSM)
Level 4-7, Menara 2, Menara Cyber Axis,
Jalan Impact, Cyber 6,
63000 Cyberjaya, Selangor
(u.p.: Pn. Cheow Sze Ling)